

Doktor seludup ubat

H M 3/12/02 M15 11

FAKTA
Penguat
kuasa
Farmasi
serbu klinik

Tiru taktik sindiket dadah bungkus guna kertas surat khabar sebelum sorok pil haram dalam bagasi

>>Oleh Mohd Jamilul
Anbia md Denin
anbia@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Sama tapi tak serupa apabila segelintir doktor klinik swasta didapati giat menjalankan aktiviti penyeludupan pelbagai ubat-ubatan haram dengan meniru taktik sindiket dadah antarabangsa yang gemar membungkus dadah menggunakan kertas surat khabar sebelum disorokkan di dalam bagasi.

Difahamkan tindakan menyalahi undang-undang yang dipraktikkan segelintir doktor swasta ini dilakukan semata-mata untuk mengejar keuntungan berlipat kali ganda hasil daripada penjualan ubat murah berkenaan di klinik masing-masing.

Siasatan mendapati, terdapat segelintir doktor ini sanggup berulang-alik ke luar negara terutama ke India untuk mendapatkan bekalan ubat tidak berdaftar ini, yang mampu dibeli jauh lebih murah dari harga ditawarkan di dalam negara.

Tindakan saudagar ubat haram ini bagaimanapun dikesan selepas Bahagian Penguat kuasa Farmasi Kementrian

Kesihatan Malaysia (KKM) mendapat maklumat berhubung aktiviti beberapa pemilik klinik swasta ini yang kerap melakukan penyeludupan terutama melalui pintu masuk lapangan terbang utama.

Susulan daripada maklumat risikan diperoleh, pegawai penguat kuasa farmasi kini mengambil tindakan dengan melakukan pemeriksaan mengejut di beberapa klinik yang disyaki memberikan ubat seludup kepada pesakit.

Hasil daripada maklumat diperoleh, sepasukan lima pegawai penguat kuasa Farmasi KKM bertindak menjalankan pemeriksaan terhadap sebuah klinik swasta yang dimiliki sepasang suami isteri warga tempatan di Kuchai Lama di sini.

Dalam operasi kira-kira jam 9 pagi semalam, pegawai penguat kuasa Farmasi menyoal siasat pasangan doktor terbabit berusia sekitar 40-an yang disyaki menjual ubat tidak berdaftar kepada pesakitnya.

Menurutnya, hasil daripada pemeriksaan dilakukan pegawai penguat kuasa Farmasi akhirnya berjaya menemui

ribuan keping pil pelbagai ubat tidak berdaftar yang disembunyikan di dalam beberapa almari di bilik menyimpan ubat-ubatan.

“Ada antara ubat seludup terbabit turut ditemui masih berbungkus rapi dengan surat khabar dipercayai baru dibawa masuk ke negara ini.

“Siasatan turut mendapati kebanyakan pil yang diseludup itu membabitkan pil sakit sendi, steroid, antibiotik dan pelbagai jenis ubat-ubatan lain yang tidak berdaftar dan diragui kandungannya,” katanya.

Dianggarkan puluhan ribu biji pil ubat seludup terbabit mencecah lebih RM10,000 mengikut nilai pasaran dan disyaki turut dijual kepada pengusaha klinik lain.

Berdasar maklumat diperoleh, doktor berkenaan sanggup mendapatkan bekalan ubat seludup di luar negara berikutan ia lebih murah berbanding ubat-ubatan yang disahkan pengedarannya oleh KKM.

“Jika mereka membeli ubat dari syarikat berdaftar pada harga RM10 sebiji ubat seludup berkenaan boleh dibeli di luar negara pada harga RM1 sebiji” katanya.



BUKTI..beberapa pegawai penguat kuasa Farmasi menyoal bilik simpanan ubat di klinik berkenaan.

RAMPAS...sebahagian ubat seludup dengan ada antaranya masih berbalut kertas surat khabar dirampas.

